

# Malaysia tawar kepakaran

BH 31 MAY 1994

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menawarkan pelbagai bantuan kepakaran Malaysia kepada Turkmenistan dalam rangka kerjasama Selatan-Selatan untuk membangunkan ekonomi negara itu.

Perdana Menteri menyampaikan tawaran itu kepada Presiden Turkmenistan, Saparmurat A Niyazov, ketika mereka mengadakan pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali, memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa hasrat utama bekas wilayah Soviet Union itu ialah mempelajari pengalaman Malaysia dalam pengurusan pembangunan ekonomi dan penwasataan industri.

"Ini kerana mereka baru saja merdeka tiga tahun lalu dan berusaha ke arah mencapai ekonomi pasaran bebas. Oleh itu, mereka mahu mempelajari pengalaman kita sebanyak mungkin.

"Justeru itu, Dr Ma-

hathir menawarkan peluang mempelajari pengalaman Malaysia di samping mengundang pegawai Turkmenistan melawat negara ini.

"Perdana Menteri juga menawarkan bantuan latihan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di bidang pentadbiran, perbankan dan pelbagai bantuan lain yang dapat membantu Turkmenistan terus meningkat dalam membangunkan ekonominya," katanya.

Niyazov yang mengetuai rombongan 45 orang, tiba di sini, hari ini untuk lawatan tiga hari. Turut serta ialah lima Timbalan Perdana Menteri, lima Menteri Kabinet dan enam Ketua Wilayah. Selepas menemui Dr Mahathir, mereka menghadiri mesyuarat dua hala selama hampir dua jami.

Bagi mengukuhkan ikatan kerjasama kedua-dua negara, lima perjanjian dua hala ditandatangani.

Perjanjian itu ialah Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sainifik dan Teknikal; Perjanjian Perdagangan; Perjanjian

Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan; Perjanjian Mengenai Pemanusiaan Separuh Keperluan Visa dan Perjanjian Pengaturan Pembayaran.

Empat perjanjian pertama ditandatangani oleh Pemangku Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar dengan empat Timbalan Perdana Menteri Turkmenistan, iaitu Rizaeva Abad Sakhatovna, Saparov Rejep Saparovich, Sarjaev Batyr Kurbanovich serta Shikmuradov Boris Orazovich.

Perjanjian Pengaturan Pembayaran ditandatangani oleh Gabenor Bank Negara, Ahmad Mohd Don dan Pengerusi Bank Pusat Turkmenistan, Khudaiberdy Artykovich.

Menurut Halim, Perjanjian Mengenai Pemanusiaan Separuh Keperluan Visa yang pertama kali ditandatangani dengan mana-mana negara bekas wilayah Soviet Union membolehkan rakyat kedua-dua negara melawat Malaysia dan Turkmenistan tanpa visa selama dua minggu untuk tujuan pelancongan dan tiga bulan untuk perdagangan.